



23 JUL, 2023

Bungkusan dadah RM 8. j diisytihar aksesori kereta 1 2

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 1 of 2



Zazuli (kanan) menunjukkan dadah yang dirampas di Kompleks Kargo KLIA pada sidang media di Cawangan Narkotik Ibu Pejabat Kampung Jijan, Nilai, semalam. (Foto Ahmad Hasbi/BH)

Bungkusan dadah RM18.2j diisytihar aksesori kereta

Kastam rampas lebih 250kg bahan terlarang MDMA dan ketamin

Oleh Ahmad Hasbi
bhnews@bh.com.my

Nilai: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas lebih 250 kilogram (kg) dadah jenis 3,4-Methylenedioxymethamphetamine (MDMA) dan ketamin yang keseluruhannya bernilai RM18.2 juta di Kompleks Kargo Udara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, Selasa lalu.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Zazuli Johan, berkata dalam kejadian kira-kira 6 petang itu,

JKDM menyita 18 kotak dengan 12 daripadanya mengandungi bungkusan plastik lutsinar dengan bahan ketulan kristal disyaki MDMA seberat 232.05kg dianggarkan bernilai RM17 juta

Katanya, ia penemuan terbesar Kastam membabitkan MDMA, dengan jumlah berkenaan boleh menghasilkan kira-kira 1.5 tan ekstasi.

"Turut ditemui, satu kotak mengandungi bungkusan plastik dengan bahan serbuk kristal putih disyaki ketamin seberat 20.55 kg (RM1.2 juta), manakala lima kotak lagi ialah cakera brek kereta.

"Sindiket terbabit mengisytiharkan barang berkenaan sebagai aksesori kereta, sedangkan di dalamnya terdapat kotak mengandungi dadah berbahaya, sebagai modus operandi bertujuan mengelak daripada dikesan pihak berkuasa," katanya pada

sidang media di Cawangan Narkotik Ibu Pejabat Kampung Jijan, di sini, semalam.

Guna maklumat palsu

Zazuli berkata, siasatan awal mendapati dagangan berkenaan diimport dari sebuah negara di Eropah dan kemudian mendarat di Kompleks Kargo KLIA sebagai destinasi terakhir dan bekalan dadah itu adalah untuk pasaran di dalam negara.

Katanya, hasil risikan mendapati pengimport berkenaan menggunakan maklumat palsu dalam dokumen pengimportan sehingga menyukarkan tangkapan dibuat ke atas pengimport dagangan terbabit.

Bagaimanapun, katanya, siasatan masih dijalankan untuk mengesan suspek yang dipercayai warga tempatan dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952.



23 JUL, 2023

Bungkusan dadah RM 8. j diisytihar aksesori kereta 1 2

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kastam rampas lebih 250kg bahan terlarang MDMA dan ketamin

Nilai: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas lebih 250 kilogram (kg) dadah jenis 3,4-Methylenedioxymethamphetamine (MDMA) dan ketamin yang keseluruhannya bernilai RM18.2 juta di Kompleks Kargo Udara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, Selasa lalu.